

Tingkat kefahaman pegawai PBT

MELAKA 5 Okt. - Semua pegawai pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu meningkatkan tahap kefahaman mereka dalam bidang masing-masing sebagai langkah menyediakan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat dan pemegang saham.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ismail Othman berkata, perkara itu perlu diberi perhatian kerana tanggungjawab PBT lebih mencabar pada masa kini terutamanya untuk berdepan permintaan dan harapan tinggi daripada masyarakat.

Menurutnya, perkara ini diharapkan dapat menjadi dorongan kepada semua pegawai dalam meningkatkan mutu kerja dengan mengenal pasti kelemahan dan seterusnya memantapkan lagi kekuatan sedia ada.

"Tanggungjawab PBT di negara ini semakin mencabar kerana pemegang saham kini mengharap perkhidmatan yang

lebih baik dan berkualiti.

"Oleh itu, setiap PBT dalam perancangannya perlu ke hadapan agar setiap usaha yang dilakukan tidak hanya tangkap muat malah PBT harus buktikan mereka telah mengalami proses transformasi ke arah memberi perkhidmatan terbaik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar dan Mesyuarat Dwi Tahunan Pegawai-pegawai Penilaian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Seluruh Negara kali ke-20 di Ayer Keroh, di sini semalam.

Hadir sama Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Datuk Zainal Hussin; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Datuk Murad Husin; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Alor Gajah, Ismail Hashim; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Jasin, Shadan Othman dan Pengerusi Persatuan Penilaian PBT Malaysia (Pepam), Dr. Soeb Pawi.

Jelas Ismail lagi, pegawai-pegawai PBT juga perlu menjadi penjana serta pemikir kreatif bagi menyediakan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

"Selain itu, usaha mengukuhkan pendapatan melalui penorkaan hasil-hasil baharu cukai taksiran serta pertambahan hasil melalui pengurusan harta yang cekap perlu terus dipertingkatkan," ujarnya.

Sementara itu katanya, seminar tahunan yang dianjurkan Pepam bermula 1 hingga 3 Oktober itu kali ini melibatkan penyertaan sebanyak 235 pegawai penilaian PBT dari seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

"Penganjuran program ini merupakan platform bagi memberi peluang kepada para pegawai penilaian PBT berkumpul, berkongsi dan bertukar fikiran ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan di kawasan pentadbiran masing-masing," tambahnya.



ISMAIL OTHMAN (tiga dari kanan) menerima cenderamata daripada Soeb Pawi (empat dari kiri) selepas perasmian Seminar dan Mesyuarat Tahunan Pegawai-pegawai Penilaian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke-20 di Ayer Keroh, Melaka, kelmarin.